

# 'Kita tak import ikan hidup dari Jepun'

BH 26/08/23 M/S 15

## Malaysia komited pantau produk laut pastikan keselamatan terus terjamin

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
dan Suzalina Halid  
bhnews@bharian.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia tidak mengimport ikan laut hidup dari Jepun, manakala bagi produk ikan bukan hidup lain dari negara itu tahap keselamatan makanan berkenaan sentiasa dipantau pihak berkuasa.

Perkara itu dimaklumkan Penasihat Khas kepada Menteri Kesihatan, Dr Kelvin Yii Lee Wuen, susulan kebimbangan dibangkitkan pelbagai pihak berhubung tindakan Jepun melepaskan air radioaktif dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik bermula kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya memahami kebimbangan dibangkitkan orang ramai berhubung perkara itu, namun Kementerian Kesihatan (KKM) komited sentiasa memantau pintu masuk negara serta pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan sentiasa terjamin.

"Jabatan Perikanan mengesahkan tiada import ikan laut hidup dari Jepun buat masa ini.

"Bagi produk perikanan bukan hidup lain, KKM bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta pihak berkuasa lain seperti Jabatan

Perkhidmatan Pemeriksaan Kuarantine Malaysia (MAQIS) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memantau tahap isu keselamatan makanan termasuk pemeriksaan pensijilan kesihatan dan radiasi selepas import," katanya melalui kenyataan, semalam.

Kelmarin, Jepun mula melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, walaupun rancangan itu mendapat kritikan hebat dan sekatan import makanan laut oleh China, Korea Utara serta Hong Kong.

### Pemeriksaan Tahap 4

Mengulas lanjut, Dr Kelvin yang juga Ahli Parlimen Bandar Kuching berkata, isu keselamatan makanan tidak akan sesekali dikompromi dan melalui KKM, import makanan 'berisiko tinggi' dari Jepun akan tertakluk kepada pemeriksaan Tahap 4 (permantauan) bagi menyarung unsur radioaktif ketika negara itu mula melepaskan air dari loji nuklear berkenaan.

"Ia dilakukan melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM jika berlakunya risiko, termasuk memantau import makanan Jepun dari Mei 2011 hingga April 2012, susulan gempa bumi yang membawa kepada kerosakan tiga kali ganda kepada loji berkenaan.

"Sampel dikumpulkan dan dianalisis untuk memastikan semuanya berada dalam had kawal selia di bawah Peraturan 37 Peraturan Makanan 1985, dengan panduan daripada Piawaian Umum untuk Bahan Pencemar dan Toksin dalam Makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian

(FAO)," katanya.

### Belum putuskan sekaf import

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kerajaan belum memutuskan untuk melaksanakan sebarang sekatan membabitkan import makanan laut dari Jepun susulan tindakan negara itu melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik.

Sebaliknya, beliau berkata, keputusan mengenainya hanya akan dibuat selepas keputusan kajian yang dilaksanakan dilaksanakan bersama KKM dan kerementerianya, pihak berkaitan alam sekitar diperoleh.

"Walaupun Jepun menyatakan (air) sudah dinetralisasikan, namun kita bersama dengan pihak berkaitan alam sekitar lain akan membuat kajian.

"Ia dibuat sebelum pendirian dan keputusan diambil bersama dengan negara lain berikutnya soal sisa nuklear ini boleh merebak ke seluruh dunia.

"Sekarang ini banyak juga badan bukan kerajaan (NGO) buat kajian dan kita akan bersama dengan mereka jika kajian itu nampak bahaya kepada penduduk dunia," katanya ditemui selepas merasmikan Pameran Teknologi dan Inovasi Pertanian (Showtech) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI 2023), di Taman Ekspo Agro Malaysia Serdang (MAEPS), di sini, semalam.

Jepun keluarkan keputusan ujian pelepasan air Fukushima esok - Dunia 27